

16 MAR 1998

PM: TERSERAH KEPADA BNM UNTUK BUAT KAJIAN TENTANG SIME BANK

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata terserahlah kepada Bank Negara Malaysia untuk membuat kajian tentang kerugian Sime Bank Bhd.

Sime Bank baru-baru ini melaporkan kerugian sebanyak RM1.57 bilion bagi enam bulan yang berakhir 31 Dis, 1997.

"Apa juga kajian yang dibuat akan diambil kira. Kita bukan hendak membuat tuduhan yang bukan-bukan," Dr Mahathir memberitahu pemberita selepas beliau mengunjungi Presiden Vietnam Tran Duc Luong di sini.

Beliau berkata adalah tidak adil mengesyaki seseorang secara rambang sebelum siasatan selengkapnya yang perlu dibuat dan akan mengambil masa.

Dr Mahathir berkata, "Bila kita dapati siapa yang salah, kita akan mengambil tindakan kepada orang yang bersalah. Orang yang pinjam duit tidak semestinya salah. Kita perlu ingat perkara ini tidak akan berlaku jika tidak kerana matawang dikurangkan.

"Disebabkan kejatuhan matawang, banyak orang meghadapi masalah. Perkara ini bukan kerana mereka tidak cekap atau mereka tipu tetapi oleh kerana mereka hutang dengan harapan mereka boleh bayar, tiba-tiba matawang jatuh."

Apabila ditanya adakah benar kebanyakan peminjam meminjam untuk membeli saham dan adakah ini suatu pengajaran, Dr Mahathir berkata, "boleh dikatakan satu pengajaran... tetapi hakikatnya ialah kerana harga saham naik mereka percaya mereka boleh bayar balik.

"Tetapi oleh kerana orang tertentu sengaja menjual saham supaya harga saham jatuh maka orang yang dahulunya mempunyai harapan dapat membayar balik, tiba-tiba gagal membayar balik."

Dr Mahathir berkata jika nilai matawang tidak jatuh, masalah ini tak timbul. The basic cause is the devaluation of Nilai ringgit telah dijatuhkan dan akibat tekanan jualan saham telah mengurangkan nilai saham.

Apabila ditanya sama ada satu suruhanjaya siasatan patut ditubuhkan, beliau berkata, "jika perlu, ya. Tetapi buat masa ini, kita tidak fikir ia perlu. Ia adalah penyiasatan biasa ke dalam amalan perbankan. Tiada ada yang luar biasa."

"Di bawah keadaan biasa, perkara-perkara ini tidak akan berlaku kepada Sime Bank. Tetapi pada masa ini, banyak syarikat tidak boleh membayar balik kerana mereka menggunakan saham sebagai cagaran untuk meminjam daripada bank. Apabila nilai saham jatuh mereka tidak boleh membayar balik kerana cagaran berada di bawah jumlah yang mereka pinjam," jelas Perdana Menteri.

"Kalau ada salah pengurusan, kita perlu ambil tindakan. Tetapi tidak ada salah pengurusan, katalah dia bagi hutang dengan cukup syarat, ada rundingan dalam mesyuarat lembaga pengarah, itu tidak mengapa. Tetapi kalau ia beri hutang tanpa mengikut prosedur perbankan yang betul, itu salah. Itu harus kita ambil tindakan." -- BERNAMA

AZA OS